

# Prihatin

Berita SPANCO Jilid 4 2008

Rahsia Kereta Tahan  
Lebih Lama

8

Sam Soon Automobile  
Services Antara Enam  
PSD Di Alor Star

14

Warga Emas Perlu  
Sesuaikan Pemanduan  
Seiring Usia

21

*Petua*  
**Memandu**  
*Dalam* **Hujan**  
Muka Surat 18

# Pelanggan Nikmati Perlindungan Penuh

*Pelanggan SPANCO dilindungi sepenuhnya melalui:*



## ■ INSURANS

Insurans perlindungan komprehensif termasuk pemandu (yang dilantik Kementerian/Jabatan) dan empat penumpang.



## ■ PUSAT SERVIS DIIKTIRAF

Lebih 200 rangkaian Pusat Servis Diiktiraf di seluruh Malaysia disediakan sebagai khidmat sokongan.



## ■ PEMBAIKAN DAN SENGARAAN

Dengan kos pembaikan dan senggaraan yang tetap, semua kerja servis dan pembaikan yang dilakukan di Pusat Servis Wilayah dan Pusat Servis Diiktiraf SPANCO tidak dikenakan sebarang bayaran tambahan.



## ■ PROGRAM PENGGANTIAN

Kesemua kereta konsesi diganti melalui program penggantian apabila tempoh pajakan 4-5 tahun yang ditetapkan berakhir.



## ■ PERKHIDMATAN BANTUAN SERVIS KEROSAKAN

Pelanggan yang mengalami kerosakan kenderaan boleh mendapatkan khidmat bantuan servis kerosakan, termasuk khidmat tunda yang disediakan oleh SPANCO melalui rangkaian pusat servis.



## ■ KERETA IHSAN/GANTIAN

Khidmat kereta gantian dibekalkan kepada kereta-kereta rasmi bagi kerja servis atau pembaikan yang melebihi 24 jam bekerja.



## ■ TALIAN BEBAS TOL

1-800-88-6999

Pelanggan boleh menghubungi Pusat Panggilan untuk mendapatkan bantuan dan khidmat nasihat pada bila-bila masa.



## ■ PERKHIDMATAN 24 JAM

Pusat panggilan beroperasi 24 jam.



*Pelanggan disarankan untuk memanfaatkan sepenuhnya segala kemudahan yang disediakan.*





## PENAUNG

Dato' Hamzah Mohd Salleh

## SIDANG PENGARANG

Mubarak Ali Gulam Rasul

Peter Lim

Zulkifli Abd. Aziz

Rusman Bassri

## PENERBIT

SPANCO Sdn Bhd (172957-U)

2, Jalan Murai Dua

Batu Complex

51100 Kuala Lumpur.

Tel : 03-6253 2888

Faks : 03-6253 0623

emel : prihatin@spanco.com.my

Laman web : www.spanco.com.my

## PENCETAK

Percetakan Lai Sdn Bhd

No. 1, Persiaran 2/118C

Kawasan Perindustrian Desa Tun Razak

Cheras, 56000 Kuala Lumpur.

Tel : 03-9173 1111

Faks : 03-9173 1969

## PERUNDING PENERBITAN

Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)


Sila hantar komen, pandangan atau sumbangan karya anda kepada Sidang Pengarang seperti di alamat penerbit yang tertera di atas.

Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon anda. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.

# kandungan



6



10



16



18

## PERUTUSAN

- 4 Peningkatan Saiz Fleet Dan Jumlah Kemalangan Warnai 2008

## KORPORAT

- 5 Perangkaan 10 Bulan Pertama 2008 - Kemalangan Sendiri Paling Kerap, Oktober Catat Kes Terbanyak
- 6 Customer Comes First - Cogan Kata Khidmat Pelanggan

## PENJAGAAN KERETA

- 8 Rahsia Kereta Tahan Lebih Lama
- 10 5 Langkah Periksa Sistem Gantungan Kendaraan Anda

## KHABAR PRIHATIN

- 12 Liputan Bergambar Bersama Pelanggan

## PENJAGAAN KERETA

- 14 Sam Soon Automobile Services Antara Enam PSD Di Alor Star
- 15 Pelantikan & Penamatan PSD
- 16 177 Kereta Gagal Menjalani Servis Berjadual
- 17 Harga Runcit Minyak Ikut Harga Minyak Mentah Dunia

## KESELAMATAN

- 18 Petua Memandu Dalam Hujan
- 20 Panduan Bagi Wanita Yang Bertugas Di Luar Daerah

## KESIHATAN

- 21 Warga Emas Perlu Sesuaikan Pemanduan Seiring Usia

# Peningkatan Saiz Fleet Dan Jumlah Kemalangan Warnai 2008

**T**AHUN 2008 melabuhkan tirai dengan meninggalkan kesan yang bercampur-campur buat SPANCO sebagai peneraju Pengurusan Fleet Profesional di rantau ini.

Terdapat pencapaian yang membanggakan dan ada juga perkembangan yang tidak menggembirakan.

Kemuncak peristiwa 2008 ialah apabila Kerajaan memutuskan untuk menyerahkan kontrak pembekalan dan pengurusan kereta pegawai penyiasat polis kepada kami.

Keputusan tersebut amat bermakna buat rakan pasukan di SPANCO sekali gus meningkatkan jumlah fleet Kerajaan Persekutuan yang diselia dari 5 ribu unit sebelum itu kepada lebih 8 ribu.

Kelulusan Perbendaharaan Malaysia jelas mencerminkan keyakinan Kerajaan dan Pengurusan PDRM terhadap mutu perkhidmatan yang disediakan.

Sementara itu, pada pertengahan 2008, isu caj

penyenggaraan fleet kerajaan negeri turut mengheret SPANCO ke kancha kontroversi.

Susulan itu, penjelasan terpaksa dibuat berulang-ulang kali yang kami menguruskan fleet kenderaan hanya untuk Kerajaan Persekutuan sahaja.

*Kesan dari peningkatan kemalangan, syarikat-syarikat insurans keberatan untuk memberi perlindungan kepada kenderaan Kerajaan Persekutuan yang diselia oleh SPANCO.*

Dalam pada itu, cabaran kami ialah untuk mengekalkan tahap kecekapan dan kualiti walaupun dengan pertambahan jumlah kenderaan yang mendadak.

Saiz fleet dijangka akan terus meningkat yang pasti memberi tekanan kepada pasukan kami untuk memenuhi setiap permintaan pelanggan dari pelbagai peringkat dan agensi.

Satu lagi cabaran yang sama hebat dan tidak kurang pentingnya ialah untuk mengawal kadar kemalangan serta kos pembaikan yang kian meningkat saban hari.

Kesan dari peningkatan kemalangan, syarikat-

syarikat insurans keberatan untuk memberi perlindungan kepada kenderaan Kerajaan Persekutuan yang diselia oleh SPANCO.

Masalah ini perlu diberi perhatian segera dan ditangani dengan penuh kesedaran dan rasa tanggungjawab.

Pengguna dan pemandu fleet perlu memainkan peranan yang lebih aktif dalam membendung kemalangan dan kesalahan trafik yang dilakukan.

Cabaran seterusnya ialah dalam menghadapi kemelesetan ekonomi dunia yang memberi kesan negatif kepada industri automotif.

SPANCO sudah pun mula merasakan bahang kegawatan di mana kereta-kereta fleet yang telah tamat pajakan kini sukar dijual di pasaran terpakai.


Bagaimanapun, berkat sistem penyenggaraan cegahan kami, prestasi kereta-kereta SPANCO adalah lebih baik manakala harga jualan semula pula lebih tinggi berbanding yang lain.

Akhir kata, kami ingin merakam ucapan penghargaan kepada para pelanggan dan Rangkaian Pusat Servis Yang Diiktiraf yang telah memberikan sokongan kepada kami sepanjang 2008.

Selamat Tahun Baru semoga tahun 2009 menyediakan peluang yang lebih besar dan bermakna buat kita semua.



**Dato' Hamzah Mohd Salleh**  
Ketua Pegawai Eksekutif





Perangkaan 10 bulan pertama 2008

# Kemalangan Sendiri Paling Kerap, Oktober Catat Kes Terbanyak

**K**EMALANGAN Sendiri iaitu kemalangan yang tidak membabitkan pihak lain dan disebabkan oleh kesilapan sendiri seperti terbabas, terlanggar tembok dan sebagainya, kekal sebagai jenis kemalangan yang paling kerap berlaku dan paling banyak menelan belanja.

Dari Januari hingga Oktober 2008, sebanyak 2,163 kes kemalangan jenis itu dilaporkan yang membabitkan kos pembaikan sebanyak RM2.29 juta bagi fleet Kerajaan Persekutuan seliaan SPANCO Sdn Bhd.

Selain itu:


- Jumlah kes kemalangan terbanyak dicatatkan pada Oktober (386 kes) manakala jumlah kos

pembaikan kemalangan tertinggi pula pada Ogos (RM718.3 ribu).

- Dua nahas yang mengakibatkan kemalangan jiwa berlaku iaitu pada Februari dan Julai 2008.
- Sebuah kereta dicuri setiap bulan berturut-turut dari April hingga Ogos tahun ini.
- Sejumlah 55,032 saman trafik dan 3,548 saman majlis perbandaran masih belum diselesaikan oleh pengguna fleet.

Kerjasama diminta daripada semua pihak terutama mereka yang berisiko tinggi supaya dapat mengurangkan kadar kemalangan dan kos pembaikan ke tahap yang lebih terkawal.

Perangkaan 10 Bulan Pertama (Januari - Oktober 2008)



# Customer Comes First

## Cogan Kata Khidmat Pelanggan



**SEDIA BERKHIDMAT...** Duduk dari kiri: Suradi Haji Sulaiman dan Mohd Suhaimi Hashim. Berdiri dari kiri: Ibrahim Arshad, Mohd Fahimi Ismail, Ahmad Zuhri Ikman Ahmad Zahar, Rohana Abdullah, Azmi Yusuff, Ayman Tan Abdullah dan Syamsul Imran Aminuddin. Tiada di dalam gambar: Richard Velayuthan dan Azhan Haji Abdul.

**S**IKAP yang ramah lagi mesra serta sentiasa prihatin dan peka terhadap segala keperluan pelanggan merupakan ciri-ciri perkhidmatan yang sangat dituntut masa kini.

Dalam menyediakan perkhidmatan pengurusan fleet yang terbaik kepada pelanggan, SPANCO memastikan amalan tersebut dipraktikkan oleh barisan hadapannya.

Ini boleh dilihat melalui peranan yang dimainkan oleh Jabatan Khidmat Pelanggan sebagai perantara di antara Kerajaan Persekutuan dan SPANCO Sdn Bhd.

Di samping menjalin hubungan kerja yang rapat bersama pelanggan, jabatan ini memastikan segala keperluan yang membabitkan pembekalan kereta kepada Kerajaan Persekutuan, dipenuhi serta diuruskan dengan cekap lagi lancar.

Mereka juga mendengar aduan dan maklum balas pelanggan sebelum mencadangkan langkah-langkah berkesan bagi mempertingkatkan tahap perkhidmatan.

Jabatan Khidmat Pelanggan dianggotai oleh 2 orang pengurus, 9 eksekutif akaun dan 2 kerani. Dua daripada eksekutif akaun bertinjak sebagai pengurus cawangan di Sabah dan Sarawak.

*Customer comes first* atau 'Pelanggan diutamakan' adalah cogan kata yang diamalkan di Jabatan

Khidmat Pelanggan.

Waktu kerja tidak dihadkan kepada waktu pejabat sahaja, malah senantiasanya bersedia membantu pelanggan sekiranya perkhidmatan diperlukan pada bila-bila masa.

Setiap eksekutif akaun boleh dihubungi tanpa mengira hari dan waktu. Ini adalah kerana kepuasan pelanggan lebih diutamakan.

Ada kalanya kenderaan baru perlu diserahkan pada hari minggu dan cuti umum kepada pegawai JUSA yang baru dilantik ataupun kereta perlu diganti untuk jabatan-jabatan di serata negeri di seluruh Malaysia.

Kesemua rakan sekerja di jabatan itu memahami dan bersedia menjalankan tugas yang diamalkan demi memenuhi kehendak pelanggan dan juga menepati jangka waktu yang ditetapkan.

Pengurus Perhubungan Pelanggan, Mohd Suhaimi Hashim berpendapat, jika pelanggan sentiasa

### Tugas Utama



- Membekalkan kereta kepada pelanggan dengan segera
- Mendapatkan semula kereta yang tamat tempoh pajakan
- Memantau prestasi kereta
- Berurusan dengan pelanggan terutama pengguna rasmi dan pegawai liaison
- Mengemaskinikan maklumat kereta di bawah fleet
- Menyediakan laporan
- Pembilan dan pungutan



diutamakan, maka kesetiaan mereka akan terjamin.

Bagi Pengurus Khidmat Pelanggan, Suradi Haji Sulaiman pula, pelanggan merupakan individu yang terbaik bagi mengukur nilai dan prestasi seseorang kerana 'tanpa mereka, siapalah kita'.

*Setiap eksekutif akaun boleh dihubungi tanpa mengira hari dan waktu.*

Setiap bulan, eksekutif akaun akan mengadakan taklimat dan lawatan (market visit) ke setiap kementerian dan jabatan di sesebuah negeri.

Melalui lawatan itu, maklum balas dan maklumat terkini tentang perkhidmatan SPANCO serta perkhidmatan yang disediakan oleh Pusat-Pusat Servis Yang Diiktiraf (PSD) dapat diperolehi.

	<b>No. Telefon</b>
Mohd Suhaimi Hashim (Pengurus – Perhubungan Pelanggan)	019-275 2222
Suradi Haji Sulaiman (Pengurus – Khidmat Pelanggan)	019-263 6060
Rohana Abdullah (Eksekutif Akaun)	019-276 7669
Azmi Yusuff (Eksekutif Akaun)	019-378 3663
Ahmad Zuhri Ikman Ahmad Zahar (Eksekutif Akaun)	012-225 9055
Mohd Fahimi Ismail (Eksekutif Akaun)	019-267 1750
Ibrahim Arshad (Eksekutif Akaun)	013-207 6409
Syamsul Imran Aminuddin (Eksekutif Akaun)	019-322 9070
Ayman Tan Abdullah (Eksekutif Akaun)	012-212 5967
Richard Velayuthan (Pengurus Cawangan – Sarawak)	019-818 9527
Azhan Haji Abdul (Pengurus Cawangan – Sabah)	019-880 8220

## Peranan Jabatan Khidmat Pelanggan SPANCO

### Berurusan dengan pelanggan

- Memastikan kereta pelanggan diganti mengikut tempoh.
- Memastikan cukai jalan yang sah berserta insurans.
- Membantu pelanggan merancang kitaran penggantian kereta mereka.
- Membuat susulan terhadap pesanan kenderaan.
- Memberi panduan dan tunjuk ajar kepada pelanggan tentang cara-cara memanfaatkan kereta sepenuhnya.
- Khidmat nasihat tentang penjagaan kereta dan pengurusan fleet.
- Mengesyorkan pelanggan untuk menambah bilangan kereta jika perlu.
- Memeriksa kereta di premis pelanggan bagi memastikan ia be-

rada dalam keadaan baik.

- Mendengar aduan dan maklum balas dari pelanggan untuk disalurkan kepada pihak pengurusan.

### Penghantaran dan pemulangan kereta

- Memastikan kereta baru berada dalam keadaan baik dan bersih serta pelanggan menerimanya semasa atau sebelum tamat tempoh pajakan.
- Bagi pesanan penggantian, memastikan kereta lama dipulangkan dan diperiksa.
- Menyempurnakan pemeriksaan teknikal ke atas kereta yang dipulangkan sebelum memperakui penerimaan.
- Memastikan pesanan kereta tambahan, dilaksanakan mengikut tempoh yang dipersetujui.

- Menerangkan kepada pelanggan tentang terma serta syarat perjanjian pajakan di samping penggunaan peralatan dan aksesori semasa kereta diserahkan.
- Menyemak semua dokumen penyerahan dan pemulangan kereta serta memastikan ia lengkap dan ditandatangani pelanggan.
- Melaporkan sebarang kecacatan pada kereta yang dipulangkan seperti kerosakan, aksesori yang hilang atau alat ganti yang tidak tulen.

### Taklimat dan lawatan

- Merancang jadual taklimat dan lawatan.
- Berjumpa pelanggan di seluruh negara secara berkala.
- Menangani segala aduan pelanggan.
- Mencadangkan langkah-langkah berkesan untuk penambahbaikan perkhidmatan.



# RAHSIA Kereta Tahan Lebih Lama



**PILIHAN BIJAK...**  
Hantar kereta anda  
ke pusat servis  
yang diyakini  
sahaja.

**K**EBANYAKAN kereta dibina supaya tahan lebih lama daripada yang kita jangka. Ketahanan sebenarnya terletak di tangan pemilik kenderaan itu sendiri.

Mekanik boleh memberitahu anda pelbagai cara menjaga kereta supaya tahan lebih lama tetapi tidak berbuat begitu mungkin kerana tidak cukup masa, kurang kemahiran berkomunikasi atau hanya sekadar mahu mengaut keuntungan.

Menurut statistik insurans kenderaan, hayat guna kereta secara purata adalah selama sepuluh tahun atau 160,000km.

Selepas membaca artikel ini, anda boleh memandu kereta dengan lebih lama dan lebih jauh lagi.

Dengan mematuhi jadual pengenggaraan, anda mampu menggandakan hayat guna kereta anda dan tidak perlu menghabiskan masa di bengkel.



## SERVIS LAZIM

Kajian pengeluar-pengeluar kereta membuktikan bahawa punca utama kereta dihantar untuk pembaikan bagi kerosakan besar adalah akibat pengabaian jadual penyenggaraan dan servis lazim.

Penyenggaraan lazim bukan merupakan kos, tetapi sebaliknya menjimatkan wang dan mengelakkan kesulitan, kehampaan serta boleh menyelamatkan nyawa.

## SELIDIK DAHULU

Sekiranya anda memerlukan kerja baik pulih yang besar, disarankan supaya anda mendapatkan sekurang-kurangnya tiga anggaran harga sebelum membuat keputusan.

Jangan hanya melihat bengkel pada harga yang terendah tetapi pertimbangkan juga akan keupayaan, kemahiran, pengalaman, peralatan dan penjagaan selepas servis.

## MEKANIK YANG DIYAKINI

Sekiranya ada mekanik yang boleh diyakini, teruskan mendapat khidmat beliau walaupun harganya mungkin mahal sedikit. Anda akan menjimatkan masa, wang dan tenaga dalam jangka masa panjang.

Tambahan pula, mekanik anda akan lebih mengenali kereta anda.

## BACA MANUAL PEMILIK

Baca dan ikut buku panduan pemilik yang diberikan. Inilah rujukan anda bagi memastikan kereta tahan lebih lama.

Pastikan anda menyimpannya di dalam kereta seperti di dalam kotak penyimpanan di bahagian hadapan atau di but kereta.

*Sekiranya anda tidak mempunyai garaj, letakkan kereta di bawah pokok atau lain-lain jenis penutup untuk melindungi daripada panas dan hujan.*

## SIMPAN DALAM GARAJ

Menurut kajian, kereta yang diletakkan di dalam garaj tahan lebih lama. Sekiranya anda tidak mempunyai garaj, letakkan kereta di bawah pokok atau lain-lain jenis penutup untuk melindungi daripada panas dan hujan.

## ELAKKAN MEMECUT DAN MEMBREK DENGAN TIBA-TIBA

Gunakan minyak dan brek untuk bergerak serta berhenti secara beransur-ansur. Ia boleh menjimatkan minyak selain melindungi daripada kerosakan dan kelusuhan pada brek, transmisi serta penyerap hentakan.

## JANGAN SELALU MEMBREK

Dalam keadaan trafik yang bergolak perlahan, jangan sering menekan pedal brek kerana ia menyebabkan lapisan brek cepat lusuh selain membazirkan minyak.

Sebaliknya gunakan gear rendah dalam keadaan lalu lintas yang sesak.

## ELAKKAN TANGKI KOSONG

Elakkan memandu dengan tangki minyak yang hampir kosong kerana ini akan membuatkan keketoran, air dan lembapan masuk ke dalam sistem bahan api anda.

## KETAHUI PUNCA ROSAK

Antara tiga punca utama kereta rosak semasa di jalan raya adalah (1) kerosakan tayar, (2) masalah sistem penyejuk, dan (3) kehabisan minyak.

## MINYAK PELINCIR

Menukar minyak hitam secara berkala adalah penting kerana ia akan melindungi enjin anda dan memanjangkan hayat gunanya.

Ikutlah cadangan di atas dan gandakan hayat guna kereta anda.



**GANTI...** Minyak pelincir yang memenuhi spesifikasi dapat melindungi enjin anda.



**ISI...** Tangki minyak yang kerap kosong mengundang pencemaran dan kelembapan ke dalam sistem bahan api.

# 5

## LANGKAH PERIKSA SISTEM Gantungan Kenderaan Anda



**P**EMBINAAN jalan, jalan yang berlubang-lubang dan rosak selain bahu jalan serta bonggol memberi kesan terhadap sistem gantungan kereta anda. Walaupun sistem gantungan kini lebih lasak, namun masih terdapat kemungkinan untuk patah, bengkok, haus atau beralih kedudukan.

Untuk mengekalkan keadaan kereta anda supaya selamat untuk digunakan, sistem gantungan hendaklah kerap diperiksa sebagai sebahagian daripada servis berkala. Lakukan pemeriksaan mudah berikut:

# 1

### CUBA KESAN SEBARANG BUNYI

Pandu uji dengan radio dimatikan. Bunyi bergesel mungkin bermakna gantungan anda perlukan gris. Bunyi berlaga, terutama semasa melalui bonggol, mungkin menandakan ada bahagian gantungan yang longgar.



# 2

### PERHATIKAN PERGERAKAN

Jika kereta terlalu senget ketika membelok, mungkin terdapat masalah. Cuba brek beberapa kali untuk melihat sama ada bahagian hadapan menjunam atau tidak, iaitu salah satu tanda bahawa sistem gantungan mungkin rosak.





# 3

## UJI PENYERAP HENTAKAN

Sandar pada kereta dan tekan setiap penjuru satu per satu. Penyerap hentakan sepatutnya tidak melantun lebih daripada dua kali. Jika tidak, bermakna terdapat masalah pada penyerap hentakan.



# 4

## PERIKSA TINGGI KERETA

Anda mungkin perlu merujuk spesifikasi pengeluar untuk mengetahui ketinggian yang betul. Jika terlalu rendah, berkemungkinan spring telah rosak.



# 5

## PERIKSA KEBOCORAN

Angkat kereta menggunakan jek. Pusingkan tayar dengan tangan untuk memeriksa keseimbangannya. Periksa sama ada terdapat sebarang kebocoran bendalir atau kelonggaran pada sambungan.



## MASALAH LAZIM

Penyerap hentakan boleh lusuh dan menjejaskan pengendalian kereta. Sekiranya kereta anda melantun-lantun apabila melalui bonggol dan senget semasa membelok, penyerap hentakan anda mungkin telah lusuh.

Manakala minyak bocor di belakang tayar bermakna penyerap hentakan atau topang telah lusuh.

Sambungan bebola yang haus boleh mengakibatkan kereta melilau semasa anda memandunya. Keadaan ini sangat berbahaya kerana sambungan boleh tertanggal dan anda akan hilang kawalan.

## CEGAH SEBELUM ROSAK

Periksa penyerap hentakan atau topang anda selalu bagi sebarang kebocoran dan perhatikan bagaimana keadaan kereta anda.

Sekiranya pemanduan dirasakan tidak sebaik yang anda jangka, bawa kereta ke bengkel untuk pemeriksaan.

Minta mekanik periksa sambungan bebola sekurang-kurangnya dua kali setahun. Semasa menukar minyak enjin, pastikan mekanik meletakkan gris pada sambungan bebola dan lain-lain komponen gantungan.



Mohadzir Ahmad (berbaju merah) dan Fazli Arifin (berkemeja putih) dari Shubila Automart Sdn Bhd, Sungai Petani, Kedah sedang menerima tunjuk ajar dari Pengurus Kawalan Senggaraan & Teknikal, Azahari Md Lazim, tentang perkhidmatan dalam talian e-approval semasa sesi latihan pada 12 November 2008.

# Liputan **Bergambar** Bersama **Pelanggan**



Dr. Soon Ruey, Perunding O&G, Hospital Likas mengadakan pertemuan dengan Pengurus Cawangan Sabah, Azhan Haji Abdul semasa berkunjung ke Pejabat Wilayah, Kota Kinabalu pada 23 Oktober 2008.



Sebilangan peserta sedang mengikuti Kursus Pengurusan Kenderaan dan Pemandu Berhemah Siri 1/2008 yang dianjurkan di Cherating, Kuantan, Pahang dari 7-9 November, 2008.







Tun Dr. Siti Hasmah Haji Mohd Ali menerima kunjungan Pengurus Besar Komersil, Mubarak Ali Gulam Rasul (tengah) dan Pengurus Khidmat Pelanggan, Suradi Haji Sulaiman pada 15 September 2008. Beliau merupakan salah seorang pelanggan SPANCO.



Pelanggan-pelanggan dari pelbagai Kementerian dan Jabatan Kerajaan disambut mesra oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Hamzah Mohd Salleh dan rakan sekerja yang lain semasa Majlis Jamuan Aidilfitri pada 16 Oktober 2008.



Pelbagai juadah dan kuih-muih yang menyelerakan dihidangkan kepada tetamu pada majlis yang diadakan di Pusat Servis Wilayah, Batu Caves itu. Tradisi rumah terbuka dianjurkan setiap tahun.



Anggota-anggota dari Bahagian Logistik PDRM mendengar penerangan tentang kemudahan Pusat Servis Wilayah, Batu Caves yang disampaikan oleh Pengurus Woksyop, Md Latif Ismail.



Bergambar bersama rakan sekerja sebaik selepas mengakhiri program lawatan ke SPANCO pada 12 November. Lawatan bertujuan untuk melihat dengan lebih dekat perkhidmatan yang disediakan oleh Pengurusan Fleet Profesional.



Para peserta, penganjur dan penceramah kursus bergambar beramai-ramai di perkarangan Suria Cherating Beach Resort.



# Sam Soon Automobile Services

## Antara Enam PSD Di Alor Star



**SATU PASUKAN...** Kakitangan Sam Soon Automobile Services sedia memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan-pelanggan SPANCO.

**P**USAT Servis Diiktiraf atau PSD adalah rangkaian panel pusat servis kenderaan yang dilantik bagi memenuhi keperluan para pelanggan SPANCO di serata tanah air.

Di Negeri Kedah Darul Aman contohnya, SPANCO telah melantik sebanyak 20 buah PSD di beberapa bandar dan pekan utama, di mana agensi dan jabatan Kera-

jaan Persekutuan tertumpu.

Dari jumlah itu, di Alor Star sahaja terdapat enam buah PSD yang menawarkan secara kolektif, kesemua jenis penyenggaraan dan pembaikan kenderaan yang diperlukan.

Sam Soon Automobile Services Sdn Bhd adalah salah sebuah dari PSD yang dimaksudkan.

Beroperasi di Batu 1¼, Jalan

Langgar, Alor Star, pusat servis bebas ini menyediakan perkhidmatan yang merangkumi antaranya:

- penyenggaraan dan pembaikan
- servis pemula/pengulangan dan pendawaian
- ekzos
- pendingin hawa
- pembaikan dan penggantian tayar
- bateri
- mengetuk dan menyembur cat.

### MAKLUMAT UTAMA

**Nama:** Sam Soon Automobile Services Sdn Bhd.

**Alamat:** 1473, Batu 1¼, Jalan Langgar, 05460 Alor Star, Kedah.

**Telefon:** 04-733 5648.

**Waktu operasi:** Sabtu hingga Khamis (9 pagi-6.30 petang).

**Perkhidmatan:** Penyenggaraan dan pembaikan

**Sila hubungi:** Teow Kling (Pengarah) atau Yap Wey Lee

Bengkel yang terletak di jalan raya utama di ibu negeri yang pesat membangun ini sudah menjalankan perniagaan selama 24 tahun dan diketuai oleh Pengarahnya Teow Kling.

Terdapat lebih 20 kakitangan yang bekerja di sini, majoritinya terdiri daripada mekanik-mekanik yang cukup terlatih untuk



membaiki kenderaan-kenderaan jenis Proton.

Petugas yang ramah dan mesra sentiasa bersedia membantu pelanggan-pelanggan SPANCO yang menghantar kenderaan ke sini.

Pusat servis ini dibuka dari Sabtu hingga Khamis dan ditutup pada hari Jumaat dan hari cuti umum di negeri jelapang padi ini.

Agensi dan jabatan Kerajaan Persekutuan di Alor Star atau yang berhampiran boleh menghantar kenderaan mereka untuk diservis pada waktu operasi dari jam 9 pagi hingga 6.30 petang.

Beberapa pakej menarik turut ditawarkan kepada pelanggan. Untuk mengetahui lebih lanjut, anda boleh menghubungi mereka di talian 04-733 5648.

Dianggarkan kini terdapat lebih 280 buah kenderaan SPANCO yang digunakan oleh Kementerian-Kementerian Kerajaan yang berpejabat di Kedah.



**MUDAH SAMPAI...** Terletak di Batu 1¼, Jalan Langgar, sebuah laluan utama di Alor Star, Kedah.

# Pelantikan & Penamatan PSD

## Pelantikan Terbaru

Shubila Automart Sdn Bhd  
No. 69 Jalan Sungai Tukang 2/1  
Kawasan Perusahaan Sungai Tukang  
08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman  
Tel: 04-425 9670  
Faks: 04-425 9672  
Jenis perkhidmatan: Servis senggaraan  
Sila hubungi: Mohamad Fadzil Arifin

Julung Jaguh Sdn Bhd  
SU 1004, Jalan Bandar Baru 9  
Taman Bandar Baru  
78300 Masjid Tanah, Melaka  
Tel: 06-384 5236  
Faks: 06-384 5235  
Jenis perkhidmatan: Mekanikal, tayar, bateri dan hawa dingin  
Sila hubungi: Mohamad bin Md Yasin

True Results Sdn Bhd  
No. 6 Hala Rapat Baru 21  
Kawasan Perindustrian Ringan Kinta Jaya  
31350 Ipoh, Perak Darul Ridzuan  
Tel: 05-311 2868  
Faks: 05-311 2868  
Jenis perkhidmatan: Servis senggaraan dan pembaikan kemalangan  
Sila hubungi: Wee Chee Heong

S-One Motor Sports Sdn Bhd  
No 7 Lot 516 Industry Shophouse  
9th Mile Jalan Penrissen  
93250 Kuching, Sarawak  
Tel: 016-886 6490  
Faks: 082-377 164  
Jenis perkhidmatan: Khidmat tunda, pembaikan kemalangan dan bateri  
Sila hubungi: Jimmy Lee Shing Choi

## Penamatan

Yoong Lee Car -Tech Sdn Bhd  
Lot A-24, Kawasan Perindustrian Chendering  
Chendering  
21080 Kuala Terengganu,  
Terengganu Darul Iman

# 177 Kereta Gagal

## Menjalani Servis Berjadual

**S**AIZ fleet Kerajaan Persekutuan yang diselia oleh Pengurusan Fleet Profesional setakat Oktober 2008 adalah 8,694 buah.

Dari keseluruhan fleet, jumlah kereta yang gagal dihantar ke pusat servis untuk menjalani penyenggaraan berjadual adalah sebanyak 177 unit.

Dari jumlah kereta yang gagal dihantar oleh pelbagai agensi dan jabatan setakat ini, 99 buah adalah dari model Proton Wira, 46 model Perdana, 19 Iswara dan 13 Waja.

Maklumat dari Sistem Pengurusan Fleet Bersepadu juga menunjukkan tempoh kelewatan bagi kes-kes itu adalah di antara 6 hingga 8 bulan.

Jadual penyenggaraan yang dilaksanakan di SPANCO adalah seperti yang disyorkan pihak pengeluar Proton iaitu setiap 10,000km atau 6 bulan, yang mana dahulu.

Di samping itu, kereta baru pula mesti dihantar untuk penyenggaraan pada 1,000km pertama dan

selepas itu pada 5,000km.

Sesebuah kereta perlu mematuhi jadual penyenggaraan yang ditetapkan bagi memastikan ia sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan selamat serta hayat guna dilanjutkan.

*Kereta yang tidak dihantar untuk menjalani servis berjadual mungkin boleh rosak di tengah-tengah perjalanan.*

Kereta yang tidak dihantar untuk menjalani servis berjadual mungkin boleh rosak di tengah-tengah perjalanan.

Ini sekali gus menyumbang kepada penurunan tahap boleh gerak fleet, atau dengan erti kata lain, pelanggan tidak dapat memanfaatkan kereta mereka sepenuhnya.

Penyenggaraan yang dilakukan mengikut tempoh yang ditetapkan boleh menjamin keselamatan

pelanggan kerana kemungkinan untuk peralatan dan komponen gagal berfungsi adalah rendah.

Sementara itu, tanda aras bagi jumlah kereta yang dimasukkan ke bengkel sama ada menjalani servis ataupun pembaikan pada satu-satu masa adalah 3% dari jumlah fleet atau 261 buah.

Untuk kemudahan pelanggan, terdapat dua Pusat Servis Wilayah yang disediakan iaitu di Batu Caves dan Bangi, Selangor selain lebih 200 Pusat Servis Diiktiraf (PSD) di lokasi-lokasi yang mudah dikunjungi di seluruh Malaysia.

Patuhilah jadual penyenggaraan dan ikuti saranan Kementerian Pengangkutan: Pandu cermat jiwa selamat dan ingatlah orang yang tersayang....sentiasa pastikan kenderaan anda di dalam keadaan baik.

### Mengapa perlu servis berjadual?

- prestasi kereta lebih diyakini
- kereta lebih selamat
- kereta lebih tahan lama
- mencegah kerosakan
- penggunaan kereta dimanfaatkan sepenuhnya
- supaya jaminan pengeluar tidak lupus

**PATUHI JADUAL....** Proton menyarankan supaya penyenggaraan kereta dilakukan setiap 10,000km atau 6 bulan, yang mana dahulu.



# Harga Runcit Minyak Ikut Harga Minyak Mentah Dunia

**B**ERIKUTAN trend penurunan harga minyak dunia, harga petrol dan diesel dipam diturunkan lagi sebanyak 15 sen seliter berkuat kuasa 18 November 2008.

Petrol tanpa plumbum premium (RON97) kini pada RM2.00 seliter, manakala petrol tanpa plumbum (RON92) dan diesel pula pada RM1.90 seliter.

Ini adalah kali kelima Kerajaan menurunkan harga minyak semenjak mengurangkan subsidi pada Jun lalu, yang menyebabkan harga petrol mencecah RM2.70 seliter berbanding RM1.92 sebelumnya.

Sebelum itu, harga minyak runcit diturunkan berturut-turut pada 23 Ogos, 24 September, 15 Oktober dan 1 November.

Kerajaan berkata, keputusan itu dibuat selari dengan penurunan se-

cara ketara harga minyak mentah dunia.

Ketika ini, harga minyak mentah di pasaran dunia berlegar pada sekitar AS\$55.58 (RM195) setong.

Semasa kajian semula pada 23

*harga runcit akan diselaraskan mengikut harga minyak mentah dunia pada hari pertama setiap bulan mulai September.*

Ogos, harga runcit RON97 dan RON92 masing-masing diturunkan sebanyak 15 sen dan 22 sen.

Harga diesel pula jatuh 8 sen dari RM2.58 seliter sebelum terus dikurangkan kepada RM2.40 seliter pada 24 September.

Kerajaan juga mengumumkan bahawa harga runcit akan dis-

elaraskan mengikut harga minyak mentah dunia pada hari pertama setiap bulan mulai September.


Bagaimanapun subsidi minimum sebanyak 30 sen seliter dan harga siling RM2.70 seliter bagi petrol ditetapkan sekurang-kurangnya sehingga akhir tahun.

Jumlah subsidi petrol yang ditanggung Kerajaan untuk sembilan bulan pertama 2008 kini berjumlah RM18.6 bilion.

Pada bulan Julai, kadar inflasi Malaysia meningkat kepada 8.5 peratus, iaitu kadar tertinggi sejak 26 tahun, rata-rata kerana kenaikan kos bahan api dan elektrik.

Sementara itu, beberapa persatuan pengguna mengalu-alukan langkah menurunkan harga minyak tetapi menggesa supaya peniaga turut serta menurunkan harga barangan mereka.

Harga Runcit Petrol di Malaysia





# Petua Memandu Dalam Hujan

Hujan dan permukaan jalan yang basah adalah kombinasi yang berbahaya buat pemandu. Di jalan basah, kita tidak boleh membrek, memecut dan membelok dengan baik kerana cengkaman tayar di permukaan yang basah tidak sebaik di permukaan yang kering.

**B**unga tayar yang haus pula mengurangkan lagi tahap daya cengkaman.

Justeru pemandu dinasihatkan supaya menyesuaikan gaya pemanduan sebaik sahaja hujan mula turun. Permukaan jalan akan menjadi basah dan licin secara tiba-tiba sedangkan tindak balas kita sudah biasa dengan pemanduan jalan raya yang kering.

Hujan yang lebat juga mengganggu penglihatan. Ia menyu-

karkan kita melihat papan tanda dan isyarat trafik, malah pejalan kaki serta penunggang motosikal walaupun dengan pengelap cermin masih berfungsi dengan baik.

Majalah PRIHATIN menyarankan tip-tip berikut bagi pemanduan yang lebih selamat ketika hujan. Adalah mustahak untuk memastikan yang kita boleh melihat dan dilihat dengan jelas terutama dalam cuaca ribut dan hujan lebat.



*Memandu di tengah-tengah lorong – air selalunya berkumpul di bahagian tepi jalan.*



*Gantikan pengelap cermin yang lusuh dan rosak.*



■ Pandu perlahan! Lebih lama tempoh diambil untuk memberhentikan kenderaan semasa hujan.

■ Memandu di tengah-tengah lorong - air selalunya berkumpul di bahagian tepi jalan.

■ Kekalkan jarak yang sesuai (peraturan 3 saat) - tempoh ini perlu ditambah ketika hujan.

■ Memandu mengikut trek kereta di hadapan.

■ Jangan mengikut lori atau bas terlalu hampir - percikan air dari tayar kenderaan berat boleh menghalang penglihatan.

■ Berhati-hati apabila memotong kenderaan berat - jika perlu, lakukan dengan cepat dan selamat.

■ Awasi lampu brek kenderaan di hadapan - anda perlu lebih berwaspada dalam keadaan basah dan licin.

■ Gantikan pengelap cermin yang lusuh dan rosak.

■ Pasangkan lampu kereta walaupun hanya hujan renyai, cuaca mendung atau berkabus. Bukan sahaja ia membantu anda melihat jalan raya tetapi juga membantu pemandu lain melihat anda.



■ Elakkan memecut dan membrek - jika boleh perlahankan kereta dengan cara melepaskan pedal minyak.

■ Jangan memandu melebihi tahap penglihatan. Pada waktu malam, silau lampu kereta dari arah bertentangan serta air hujan pada cermin kereta memburukkan lagi tahap penglihatan di samping pemandu menjadi lebih cepat letih.

■ Berwaspada terhadap pejalan kaki dan haiwan melintas kerana mereka sukar dilihat dan lebih sukar untuk dielakkan terutama dalam cuaca hujan.

■ Jangan sekali-kali memandu di air yang mengalir kerana berkeungkinan kereta anda boleh dihanyutkan.

■ Jika kedalaman air mencecah paras pintu kereta anda, patah balik dan ikut laluan lain. Air yang dalam boleh menyebabkan kerosakan serius kepada unit kawalan enjin kereta.

■ Elakkan memercik air kepada pejalan kaki dan penunggang motosikal.

■ Elakkan memandu semasa hujan lebat. Kilat sabung-menyabung menjejaskan penglihatan buat seketika selain angin kencang dan hujan lebat membahayakan lagi keadaan.

## Mengawal kereta sesudah **TERBABAS**

HILANG kawalan kereta di jalan yang basah adalah suatu pengalaman yang menakutkan. Anda boleh menghindar kereta dari tergelincir lalu terbabas dengan memandu perlahan dan berhati-hati, terutamanya di selekoh.

- + Brek sebelum memasuki selekoh dan tukar ke gear rendah.
- + Kawal stereng dan brek dengan lembut.
- + Jika tergelincir, bertenang dan lepaskan pedal minyak.
- + Pusing stereng supaya bahagian depan kereta dihalakan ke arah yang anda ingin pergi.
- + Teknik ini akan membetulkan arah tayar belakang yang tergelincir supaya mengikut tayar depan.
- + Bagi kereta tanpa brek anti-kunci (ABS), elakkan dari menggunakan brek.
- + Bagaimanapun bagi kereta ABS, brek dengan kuat sekali gus kawal stereng apabila anda mula tergelincir.



*Elakkan memercik air kepada pejalan kaki dan penunggang motosikal.*

# Panduan Bagi Wanita

## Yang Bertugas Di Luar Daerah

**H**ARI ini semakin ramai wanita yang berkerjaya ditugaskan ke luar daerah atau negara untuk melaksanakan urusan atau menghadiri persidangan, mesyuarat mahupun kursus. Bagi kaum ibu dan isteri yang terpaksa ke 'out-station' seorang diri, berikut ialah panduan keselamatan buat mereka.



- Rujuk peta sebelum keluar dari tempat penginapan. Supaya tidak kelihatan seperti seorang pelancong semasa berada di luar, gunakan buku panduan bersaiz kecil.
- Ketahui dan tandakan pada peta anda tempat-tempat yang mempunyai kadar jenayah yang tinggi seperti ragut dan samun.
- Mengenakan pakaian yang sesuai dan yang tidak mengundang perhatian.
- Elakkan memakai barangan kemas yang menonjol. Seutas rantai emas sekalipun boleh menarik perhatian peragut.
- Berhati-hati apabila turun daripada bas, komuter atau monorel, dan apabila menaiki tangga atau eskalator kerana penyeluk saku suka mengambil peluang di tempat orang ramai.
- Bawa hanya satu kad kredit dan salinan dokumen penting sahaja. Pecahkan wang untuk perbelanjaan kecil dan besar serta jangan sekali-kali pameran jumlah wang yang dibawa.
- Jika perlu bertanya arah, tanyalah kepada orang berkeluarga atau wanita dengan anak-anak. Supaya lebih selamat, beritahu bahawa anda hendak bertemu suami anda di tempat yang dituju.
- Semasa di tempat pejalan kaki, berjalanlah melawan arus jalan dan bawa beg tangan di sebelah dalam bahu jalan menjauhi lalu lintas.
- Sekiranya anda diserang, jeritlah sekuat hati.
- Gunakan tanda nama yang jelas. Jangan gunakan alamat rumah, sebaliknya gunakanlah alamat pejabat.
- Kunci semua bagasi anda. Sekiranya anda banyak membeli-belah, kuncilah beg dengan mangga yang kuat selain pita pelekat.
- Awasi komputer riba dan barangan anda yang lain semasa dalam perjalanan pada waktu malam dan dalam penerbangan. Bawalah beg tangan anda sekalipun jika perlu pergi ke tandas.
- Jangan turun dari teksi sehingga anda yakin yang anda telah sampai ke destinasi yang dituju. Bayar semasa anda masih di dalam teksi supaya anda dapat memastikan baki wang yang betul dipulangkan.
- Akhir sekali, sekiranya anda menjadi mangsa jenayah, hubungi polis dan simpan salinan laporan. Syarikat insurans memerlukan dokumen ini.



*Kita tidak boleh mengelak  
dari menginjak usia  
namun kita boleh  
mengambil langkah bagi  
mengurangkan kesan usia ke  
atas keupayaan untuk  
memandu dengan selamat*

**K**ESELAMATAN di jalan raya bukan sahaja memerlukan penguasaan tatacara pemanduan berhemah tetapi juga kesihatan yang baik yang mempengaruhi keupayaan seseorang untuk memandu.

Seiring usia yang meningkat, tubuh akan mengalami perubahan yang menyebabkan pergerakan seperti menoleh untuk melihat kenderaan lain atau memandu pada waktu malam tidak lagi semudah dahulu.

Peningkatan usia tidak sekali-kali bermakna tempoh memandu anda akan berakhir. Namun fahamilah had keupayaan tubuh anda yang boleh menjejaskan pemanduan.

Ikutilah panduan berikut bagi mengekalkan keupayaan anda untuk terus memandu dan kekal berdikari.



## Warga Emas Perlu Sesuaikan Pemanduan Seiring Usia

Tatkala umur kian meningkat, otot menjadi semakin lemah, sendi semakin kaku dan kelenturan anggota badan semakin merosot. Tindak balas anda juga mula perlahan.

Semua kesan ini boleh menyukarkan kegiatan memandu namun kesihatan fizikal dapat membantu anda menangani perubahan-perubahan itu.

Amalkan aktiviti seperti berjalan, menunggang basikal dan bermain tenis untuk membantu mengekalkan tahap kecerdasan sekali gus keselamatan anda di jalan raya.

Selain itu lakukan juga senaman kelenturan dan penguatan otot.



KEKALKAN KECERDASAN



KETAHUI UBAT ANDA

Ubat preskripsi dan yang dibeli di kaunter boleh membuat anda mengantuk atau memperlambatkan tindak balas anda seterusnya menjejaskan keselamatan semasa memandu.

Anda akan menjadi lebih sensitif terhadap kesan-kesan ini dalam usia yang meningkat.

Baca label setiap ubat yang diambil supaya anda tahu kesan sampingannya. Ubat-ubatan yang boleh menyebabkan mengantuk termasuklah antihistamina, ubat pelali, ubat rawatan bagi tekanan dan diabetes serta ubat tahan sakit yang kuat.

Jangan memandu sekiranya anda mengambil ubat yang boleh menyebabkan mengantuk.



3

## SESUAIKAN PERALATAN KENDERAAN MENGIKUT KEPERLUAN

Ciri-ciri seperti cermin yang besar, tingkap yang luas, kunci dan tingkap berkuasa serta transmisi automatik boleh membantu menangani had fizikal yang anda hadapi.

Anda juga boleh memilih kereta yang lebih besar supaya mudah untuk keluar masuk. Tempat duduk yang boleh dilaraskan adalah lebih selesa dan akan membantu untuk melihat jalan raya dengan lebih baik.

Nombor dan dail yang lebih besar pada papan pemuka pula lebih mudah untuk dibaca. Laraskan kecerahan panel untuk membantu anda memandu dalam cuaca gelap.



4

## JAGALAH KESIHATAN

Jagalah kesihatan anda dengan mematuhi nasihat doktor untuk membantu anda menguruskan sebarang masalah kesihatan yang dialami.

Sebagai contoh, sekiranya anda penghidap diabetes, ikut arahan doktor untuk menguruskan tahap gula dalam darah anda. Ini dapat membantu anda mengelakkan tahap gula terlalu rendah semasa sedang memandu.

## 5 MEMAHAMI HAD ANDA

Banyak masalah kesihatan akan timbul apabila usia semakin meningkat yang menjadikan tugas memandu semakin mencabar. Ketahuilah had anda dan sesuaikan dengan aktiviti yang dilakukan.

Sebagai contoh, sekiranya tangan anda berasa sakit apabila memegang stereng, gunakan pembalut stereng supaya lebih selesa untuk dipaut dan dipusingkan.

Lain-lain keadaan yang mungkin menjejaskan pemanduan anda termasuklah artritis, diabetes, penyakit Parkinson dan strok.

Pakar terapi boleh menawarkan alat sokongan untuk memandu atau mencadangkan senaman yang khusus bagi membantu menangani batas fizikal yang anda hadapi.

- Artritis – kesakitan sendi boleh menjejaskan keupayaan untuk melihat cermin belakang, menoleh dan membengkokkan lutut.
- Diabetes – boleh merosakkan saraf tangan, mata dan kaki. Ia turut melambatkan tindak balas dan mengehadkan penglihatan anda. Jika tahap gula dalam darah terlalu rendah, anda mungkin akan pening kepala dan menggeletar, menjadi keliru atau pitam.
- Penyakit Parkinson - masalah saraf yang menyebabkan kekakuan, pergerakan yang perlahan dan tubuh menggeletar. Ia menjejaskan keupayaan anda untuk memusing stereng dan bergerak dengan cepat.
- Strok – akibat gangguan pengaliran darah ke otak. Tisu otak yang rosak boleh menyebabkan masalah keseimbangan, menjejaskan penglihatan dan hilang kawalan otot pada satu atau kedua-dua belah tubuh anda.



6

## MEMANDU DALAM CUACA BAIK

Jika boleh, memandulah pada siang hari dalam keadaan cuaca yang baik, di jalan raya yang kurang sibuk dan yang anda sudah biasa.

Rancanglah laluan anda untuk mengelakkan kesesakan trafik. Tangguhkan perjalanan sekiranya cuaca bertukar menjadi buruk.



7


## PERIKSA MATA DAN TELINGA SECARA BERKALA

Pendengaran dan penglihatan, terutamanya penglihatan pada waktu malam merosot dengan usia. Ia menjejaskan keupayaan anda untuk mengesan kehadiran kenderaan lain.

Masalah biasa yang boleh mengganggu keupayaan memandu termasuklah seperti katarak (masalah lensa mata berselaput), glaukoma (menyebabkan pandangan perifer merosot) dan penyusutan makula (kehilangan bahagian tengah medan penglihatan).

Patuhi jadual pemeriksaan yang disarankan oleh doktor walaupun anda rasa bahawa pendengaran dan penglihatan anda masih baik. Masalah lebih mudah untuk dirawat jika dikesan pada peringkat awal.





Untuk Kereta Anda,  
 Pusat Servis Wilayah Di Batu Caves,  
 Selangor Menggunakan Hanya  
 Peralatan Yang Terbaik Dan Menepati  
 Piawaian Mutu Tertinggi Yang  
 Ditetapkan Oleh SPANCO.



**Proton Advance Diagnostic Tool (PADT):**

Mengesan, merekod dan membetulkan kerosakan pada sistem elektronik serta menguji komponen penggerak kereta.



**Alat penjajaran roda berkomputer:**

Untuk pelarasan tepat sistem geometri stereng dengan menggunakan perisian komputer terkini.



**Alat pam minyak enjin pneumatik & Pengumpul sisa:**

Menyedut keluar minyak enjin yang sudah digunakan terus ke dalam bekas pengumpul sisa minyak. Pembuangan sisa minyak mematuhi piawaian yang ditetapkan Jabatan Alam Sekitar.



**Pengecas gas pendingin udara automatik:**

Untuk vakum pantas dan cas semula gas pendingin udara.



**Dispenser minyak enjin:**

Memastikan kebersihan persekitaran melalui penuangan minyak enjin pada sukatan yang tepat tanpa tumpahan.



**Sistem Maklumat Pengurusan Fleet Bersepadu:**

Melicinkan kerja-kerja senggaraan dan pembaikan. Melalui sistem ini, sejarah kenderaan termasuk kerosakan yang pernah dialami boleh dicapai dalam masa sebenar secara dalam talian.



# Tali pinggang keledar di belakang bukannya hiasan. Gunakannya.



**Gunakan Tali Pinggang Keledar Di Belakang.  
Anda Mampu Mengubahnya.**

Penumpang di belakang juga menghadapi kemungkinan kecederaan jika berlaku kemalangan. Itulah sebabnya penting bagi anda memasang tali pinggang keledar di belakang untuk mengelakkan kecederaan yang teruk atau kematian. Jagalah keselamatan anda. Sentiasa pakai tali pinggang keledar di tempat duduk belakang. Layari **[www.PanduCermat.org.my](http://www.PanduCermat.org.my)** untuk maklumat lanjut.

**Undang-undang pemakaian tali pinggang keledar tempat duduk belakang akan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2009.**